

Sektor automotif ibu segala industri

BH - 22/2/2020 m/s: 2

Cipta 323,000
peluang kerja,
sumbang KDNK
RM104.2 bilion

Oleh Mohd Zaky Zainuddin,
Al Zahrin Alias
dan Nasaruddin Parzi
bhbiz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dasar Automotif Negara 2020 (NAP 2020) dirancang untuk menjadikan sektor automotif sebagai ibu segala industri dengan pewujudan 323,000 peluang pekerjaan dan bakal menyumbang RM104.2 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2030.

Dasar yang dilancarkan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad semalam itu, mengunjurkan sejumlah peluang pekerjaan yang hampir sekali ganda lebih tinggi berbanding NAP 2014, iaitu 177,520 pekerjaan, manakala sumbangan kepada KDNK sekitar 10 peratus setakat tahun ini.

Bagi tempoh 2020 hingga 2030, sektor pengeluaran automotif bakal mewujudkan peluang pekerjaan tertinggi, iaitu 128,000 pekerjaan diikuti mobiliti sebagai perkhidmatan (MaaS) dengan 75,000 pekerjaan; internet untuk segalanya (IoT) sebanyak 44,000 pekerjaan; perkhidmatan selepas jualan (46,000 pekerjaan) dan robotik (30,000 pekerjaan).

Sasaran pewujudan pekerjaan dalam MaaS dan robotik adalah sektor terbaru yang diberi penekanan dalam NAP 2020, selaras dengan perkembangan semasa industri automotif global.

Perdana Menteri ketika berucap pada majlis perasmian NAP 2020 berkata, dasar baharu itu penekanan kepada Kenderaan Generasi Baharu (NxGV), MaaS dan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

Dr Mahathir berkata, teknologi kenderaan adalah tumpuan pem-



Dr Mahathir bersama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Darell Leiking; Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Dr Ong Kian Ming (tiga dari kanan), Ketua Setiausaha Negara (KSN), Datuk Seri Mohd Zuki Ali (tiga dari kiri) dan tetamu kehormat menunjukkan buku Dasar Automotif Kebangsaan 2020 pada majlis pelancaran NAP 2020 di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Aizuddin Saad/BH)

angunan yang kritikal bagi pengeluaran kereta dunia kini bagi meningkatkan keselamatan kenderaan serta menjadikan mobiliti lebih pintar dan mesra alam sekitar.

NAP 2020 dijangka merencanakan eksport automotif dengan kenderaan import (CBU) dengan unjuran RM12.3 bilion menjelang 2030; eksport komponen dan bahagian automotif baru (RM28.3 bilion) serta eksport pengeluaran semula komponen dan bahagian automotif (RM10 bilion).

Dasar baharu itu meletakkan sasaran jumlah keseluruhan pasaran (TIV) berjumlah 1.22 juta unit, manakala jumlah keseluruhan pengeluaran pada 1.47 juta unit menjelang 2030.

Ia memberi penekanan kepada lima visi, iaitu rantaian bekalan bersepadu yang akan menjadikan Malaysia sebagai hab bagi eksport kenderaan, komponen dan alat

ganti; pembangunan teknologi berasaskan automotif dan mobiliti; serta ujian kenderaan dan komponen.

Selain itu, ia turut memiliki matlamat dalam memperkasakan pengeluaran kenderaan dan komponen tempatan termasuk mempromosikan pengeluaran semula.

Keupayaan kejuruteraan juga diberikan penekanan dalam memperkasakan bakat tempatan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D), ujian serta pembangunan teknologi.

Dasar automotif yang dikemas kini itu juga digagaskan untuk melaksana dan penyesuaian kepada trend teknologi terkini menerusi aplikasi teknologi IR 4.0.

NAP 2020 tidak lengkap tanpa membabitkan komitmen menjadi kelestarian alam sekitar. Ia memberi tumpuan kepada pembangunan lestari industri automotif me-

nerusi aktiviti pemprosesan dan produk mesra alam yang disasarkan untuk mengurangkan emisi.

Lima visi yang digariskan NAP 2020 adalah untuk menjadi Malaysia sebagai peneraju serantau dalam integrasi rantaian bekalan, pengeluaran tempatan, keupayaan kejuruteraan, trend teknologi terkini dan pembangunan lestari dalam sektor automotif

Selain itu, dokumen dasar yang amat dinanti-nantikan oleh peserta automotif itu juga turut memberi penekanan kepada syarikat Bumiputera dengan galakan akan diberikan untuk menyertai rantaian bekalan, selain aktiviti perniagaan baharu termasuk ujian, pengeluaran semula, Kemudahan Pembaikan Automotif Sah (AATF) dan perkakas.

Pada sidang media selepas majlis perasmian, Perdana Menteri berkata, NAP 2020 juga memberi

penekanan membantu peserta industri automotif Bumiputera, mengupayakan kemahiran mereka dalam memasarkan produknya.

Katanya kerajaan menyedari, mereka perlu diberi galakan dan latihan berterusan supaya mampu bersaing di pasaran lebih luas.

Beliau menegaskan, biarpun ramai penggiat automotif Bumiputera sudah terbabit dalam bidang pengeluaran sebelum ini, diakui aspek pemasaran masih sedikit ketinggalan.

"Keadaan ini perlu diperbetulkan kerana dasar NAP 2020 adalah mengenai kesaksamaan dalam berkongsi kekayaan di negara ini.

"Sudah pasti (galakan dan latihan kepada pemain industri automotif Bumiputera) memerlukan dana dan pelaburan. Kita akan lihat bagaimana kerajaan boleh menyokong mereka dalam bidang ini," katanya.